

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

SPU316 - Politik Asia Tenggara

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Jawab Soalan 1 daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan lagi daripada Bahagian B.

[*Answer THREE (3) questions. Answer Question 1 from Section A and TWO (2) more questions from Section B.*]

Bahagian A /Section A/

Jawab Soalan 1 (wajib). [*Answer Question 1 (compulsory).*]

1. Berikan keterangan ringkas untuk:

- a) Korporatisme
- b) Beamtenstaat
- c) ikatan penaung-pelanggan
- d) "despotic paternalism"
- e) negara perusahaan baru

[*Give short clarifications for:*

- a) corporatism
- b) Beamtenstaat
- c) patron-client ties
- d) despotic paternalism
- e) newly industrialized country]

(100 markah)

Bahagian B [Section B]

Jawab **DUA** (2) soalan sahaja. *[Answer **TWO** (2) questions only.]*

2. "Kegawatan ekonomi 1997 hanya merupakan pemangkin utama kepada tercetusnya gerakan reformasi di Indonesia. Namun begitu, perubahan ke arah keterbukaan ekonomi dan politik telahpun bermula sejak awal tahun-tahun 1990an lagi." Bincangkan.

[“The 1997 economic collapse was merely a catalyst for the outbreak of the reform movement in Indonesia. In fact, changes towards economic and political liberalization started in the early 1990s.” Discuss.]

(100 markah)

3. Berikan alasan-alasan untuk kejayaan PAP di Singapura sejak 1959 hingga dewasa ini. Apakah kemunculan kelas menengah terpelajar pada tahun-tahun 1980an dan 1990an mungkin membawa perubahan pada sistem satu-parti dominan ini?

[Explain the success of the PAP in Singapore from 1959 until today. Do you think that the emergence of the educated middle-class in the 1980s and 1990s will result in change to this one dominant-party system?]

(100 markah)

4. Jelaskan bagaimana unsur-unsur budaya tradisional mempengaruhi proses politik di Filipina pada tahun-tahun 1950an dan 1960an.

[Discuss how aspects of traditional culture influenced the political process in the Philippines in the 1950s and 1960s.]

(100 markah)

5. Untuk mengekal kuasa, sesuatu rejim sering menggunakan paksaan dan kawalan. Namun cara-cara ini tidak akan berkesan selama-lamanya. Maka sesuatu rejim akan cuba mencari sokongan daripada pihak-pihak tertentu melalui pembangunan ekonomi maupun melalui pembentukan satu ideologi untuk mengesahkan diri mereka. Dengan merujuk kepada rejim tentera Sarit Thanarat/Thanom Kittikachorn, bincangkan.

[In order to maintain power a regime usually resorts to the use of force and controls. However such use of force and controls cannot be effective forever. Hence a regime will also try to win support from certain groups through economic development or by legitimising itself through use of an ideology. Discuss with reference to the military regime of Sarit Thanarat/Thanom Kittikachorn.]

(100 markah)